

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 14 DISEMBER 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 36

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1523-L09917
Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan butiran kesemua cadangan pindaan Perlembagaan Persekutuan berkaitan Hak Kewarganegaraan yang telah dibentangkan kepada Majlis Raja-Raja. Mohon penjelasan cadangan pindaan tersebut berserta justifikasi dan implikasi kepada golongan terlibat dan obligasi antarabangsa Malaysia.

2. PN-1523-L10061
Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan staf dan fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia yang masih belum menerima Bantuan Upah Jahit serta perancangan Kementerian untuk memastikan semua staf yang layak dapat menuntut bantuan tersebut dalam tahun ini walaupun mereka belum sempat menerima bekalan kain.

3. PN-1523-L10425
Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan dalam memastikan murid-murid di peringkat sekolah rendah dan menengah di seluruh negara mendapat pendedahan dan pengetahuan berkenaan dengan keselamatan siber (cybersafety) apabila memasuki alam dunia siber.

4. PN-1523-L09995
Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memperbaiki jalan berlubang dan rosak di jalan persekutuan dan jalan negeri.

5. PN-1523-L10093
Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah pelaburan-pelaburan baharu yang dibawa masuk ke negara ini akan turut memanfaatkan pembangunan sosioekonomi Negeri Perlis.
6. PN-1523-L10330
Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah pelaksanaan aplikasi PADU akan turut melibatkan institusi-institusi di bawah Kerajaan Negeri seperti Majlis Agama Islam negeri-negeri serta institusi swasta seperti Yayasan Kebajikan dan sebagainya.
7. PN-1523-L10576
Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan strategi terkini Kementerian untuk mengukuhkan ekosistem inovasi di Malaysia terutamanya dalam menggalakkan syarikat-syarikat tempatan untuk melabur di dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan bagaimana langkah-langkah ini akan dilaksanakan secara pragmatik untuk membentuk masa depan ekonomi berinovasi Malaysia.
8. PN-1523-L10407
Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah pendirian pihak Kementerian berhubung kenyataan Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) yang berharap Kerajaan akan meningkatkan jumlah peruntukan dana kepada sekurang-kurangnya RM50 juta setahun untuk membolehkan program pembangunan atlet para dapat dilaksanakan secara lebih mampan dan menyeluruh.
9. PN-1523-L10122
Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sasaran jumlah penerima Basiswa Kecil Persekutuan (BKP) mengikut jenis sekolah di seluruh negeri Sabah pada tahun hadapan dan adakah pemberian basiswa tersebut akan diperluaskan kepada pelajar daripada keluarga miskin bandar berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa bagi setiap negeri.
10. PN-1523-L10475
Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah peratus sumbangan negeri Kelantan dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E) khususnya dalam semikonduktor dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan pelaburan di Kelantan dalam bidang ini.

11. PN-1523-L09937

Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan statistik negatif dan positif revolusi digital dan sejauh manakah revolusi digital dan inovasi teknologi berjaya dimanfaatkan dalam meningkatkan perkongsian maklumat dalam kalangan rakyat dan sekali gus mewujudkan masyarakat berteknologi dan berfikiran saintifik yang mudah menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi sebagaimana yang dirancang Kementerian.

12. PN-1523-L09834

Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan laporan dan bilakah perancangan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Tapak Megah yang terletak di Hulu Sungai Balui, sambungan sungai Rajang dalam Daerah Belaga, Sarawak akan mula dibina.

13. PN-1523-L10025

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah insentif dan ganjaran kepada pemenang pingat emas negara dalam Olimpik 2024 di Paris dan apakah strategik Kementerian untuk memastikan Program *Road to Gold* ini kekal relevan untuk perancangan Program Olimpik 2028.

14. PN-1523-L10421

Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian dengan kerjasama pihak industri dalam menyediakan sistem sokongan terutamanya dalam konteks penyediaan tenaga kerja mahir dan separa mahir untuk memenuhi tuntutan industri kenderaan elektrik (EV) dan solar yang diunjurkan untuk menjadi antara industri utama negara.

15. PN-1523-L10385

Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah yang akan menerima manfaat bagi menaiktaraf penyelenggaraan sekolah di kawasan Parlimen Sarikei dalam Belanjawan 2024.

16. PN-1523-L10030
Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan masa hadapan Kementerian dalam mengatasi masalah kemerosotan sistem penjagaan kesihatan awam akibat daripada peletakan jawatan sebanyak 1,131 pegawai perubatan kontrak dari 2017 hingga 2022 dan juga 890 pakar yang meletakkan jawatan antara tahun 2018 dan 2022.
17. PN-1523-L10206
Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan inisiatif Kementerian bagi membantu meringankan kos sara hidup mahasiswa yang turut menjadi mangsa kemelut ekonomi.
18. PN-1523-L09875
Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dasar terbaru Kerajaan mengenai pengajaran subjek Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina (SMJKC).
19. PN-1523-L09895
Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan usaha serta kajian yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi mempelbagaikan produk hiliran dan kegunaan seharian berasaskan getah untuk menstabilkan harga komoditi tersebut dalam pasaran tempatan bagi jangka masa panjang.
20. PN-1523-L10532
Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-
- (a) apakah perkembangan terkini penambahbaikan sistem gaji termasuk elaun dan jadual kerja pegawai perubatan serta petugas kesihatan yang lain; dan
 - (b) apakah setiap langkah yang telah diambil oleh Kementerian secara dalaman dan luaran berhubung penambahbaikan sistem gaji pegawai perubatan dari Disember 2022 hingga sekarang.

21. PN-1523-L09853

Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan penjanaan pendapatan ekonomi negara sejak memperkenalkan Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) dan kategorikan jumlah penjanaan hasil MM2H menerusi fi visa, pembelian hartanah, pembelian kenderaan persendirian, simpanan tetap dan perbelanjaan isi rumah pada tahun 2018, 2019, 2020, 2021 dan 2022.

22. PN-1523-L10606

Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi untuk meningkatkan prestasi Ringgit Malaysia berbanding USD serta bagaimana polisi pegangan ekuiti asing dalam syarikat tersenarai di Bursa Malaysia agar pengukuhan ringgit dapat mengurangkan impak kos sara hidup rakyat.

23. PN-1523-L10308

Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan pembentangan Akta Generasi Penamat Rokok (GEG) yang sudah tertangguh buat kali kedua, sedangkan pengecualian nikotin daripada Akta Racun telah dilakukan sejak Jun 2023.

24. PN-1523-L10574

Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan mekanisme yang telah dirangka bagi penyampaian subsidi bersasar khususnya terhadap barangan kawalan yang telah diapungkan harganya dalam pasaran.

25. PN-1523-L10333

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan usaha meningkatkan literasi dan pengadaptasian strategi Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) terhadap pengusaha perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS).

26. PN-1523-L10483

Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah segera pihak Kerajaan dalam menangani musim banjir yang akan datang dan apakah status enam unit pam air berkuasa tinggi yang diperuntukan sebanyak RM 12 juta bagi mengatasi banjir termenung di jajahan Pasir Mas sebagaimana yang diisytiharkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada 15 Disember 2022.

27. PN-1523-L09904
Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah Kerajaan untuk meluaskan program Geran Perusahaan Sosial (SE) kepada badan bukan kerajaan belia dalam bidang keusahawanan untuk melahirkan golongan usahawan dalam kalangan belia di negara ini.
28. PN-1523-L10004
Datuk John Ambrose minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Program Peningkatan Pendapatan (PPP) bawah seliaan pihak Kementerian diteruskan pada pentadbiran Kerajaan Persekutuan kali ini memandangkan ia menyasarkan kumpulan B40 yang tinggal di luar bandar untuk meningkatkan pendapatan semasa mereka terutamanya di Sabah dan Sarawak.
29. PN-1523-L10496
Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan justifikasi jadual pendapatan isi rumah (HIS) yang terkini dengan mengambil kira keadaan ekonomi semasa daripada sudut baki pendapatan boleh guna (*net disposable income*).
30. PN-1523-L10041
Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-
(a) akta khusus untuk pembangunan semula bandar; dan
(b) mekanisme untuk mempertahankan hak dan memberi pampasan yang secukupnya kepada pemilik rumah.
31. PN-1523-L10077
Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-
(a) punca bekalan beras Super Spesial Tempatan (SST) bagi kampil 5kg dan 10kg di kedai-kedai runcit mahupun pasar raya premium di seluruh negara sangat sukar diperolehi; dan
(b) langkah tuntas mengatasi masalah tersebut.

32. PN-1523-L10598

Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauh manakah kawalan dan mekanisme lebih efektif dapat dilaksanakan dalam mengagih subsidi petrol, diesel, gas petroleum cecair (LPG) serta minyak masak agar ia tidak tiris kepada kumpulan pengguna komersial dan warga asing.

33. PN-1523-L10619

Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah bentuk kerjasama yang dijalinkan dengan PDRM dan JPJ dalam membanteras sindiket penyeludupan beras tempatan ke negara-negara jiran dan bagaimanakah pengendalian *distribution management system* (DMS) oleh pihak pengilang dipantau bagi memastikan tiada ketirisan berlaku dalam rantai bekalan.

34. PN-1523-L10130

Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan rasional Kementerian membenarkan operator air di setiap negeri untuk menentukan sendiri mekanisme penetapan tarif air tanpa perlu persetujuan di peringkat Persekutuan dan sejauh manakah sesi libaturus telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian dalam mendapatkan input mengenai mekanisme ini.

35. PN-1523-L10278

Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapakah peratus golongan belia yang melibatkan diri dalam keusahawanan dan apakah bidang-bidang yang berpotensi untuk mereka terus berkembang.

36. PN-1523-L10484

Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah inisiatif yang diambil oleh Kerajaan untuk menambahkan pelaburan dan simpanan di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) demi menjamin kelangsungan hidup pekerja selepas bersara.

37. PN-1523-L09969

Datuk John Ambrose minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah-langkah terkini Kementerian untuk memperkasakan usahawan terutama daripada kalangan B40 dan usahawan muda di kawasan luar bandar Sabah dan Sarawak termasuk pelaksanaan Program Pemberian Geran Bantuan Bimbingan Usahawan Orang Asli.

38. PN-1523-L10011

Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melantik pembantu perubatan tempatan secara ad-hoc bagi rawatan susulan seperti pemeriksaan ibu mengandung, rawatan susulan selepas bersalin dan pemeriksaan bayi bagi penempatan Orang Asli di pedalaman.

39. PN-1523-L10038

Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam memastikan lesen perniagaan yang dikeluarkan kepada warganegara kita tidak disalahgunakan dengan memberikan warga asing untuk berniaga bagi perniagaan tersebut di sekitar Kuala Lumpur yang seterusnya menimbulkan banyak masalah sosial kepada masyarakat.

40. PN-1523-L10273

Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan status terkini sektor pelancongan dalam membantu usaha Kerajaan menjana pendapatan untuk operator pelancongan khasnya dan pendapatan negara umumnya melalui aktiviti pelancongan susulan sektor pelancongan semasa kelihatan agak suram.

41. PN-1523-L10238

Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha yang dilakukan untuk mengatasi persepsi yang menganggap bahawa terdapat campur tangan politik dalam kes-kes melibatkan kepimpinan politik berprofil tinggi.

42. PN-1523-L10305

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan usaha-usaha yang dilakukan Kerajaan untuk merencanakan kegiatan ekonomi usahawan mikro, kecil dan sederhana.

43. PN-1523-L10329

Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan usaha bersepadu oleh Kementerian dalam menangani isu kemampunan yang serius dalam negara seperti penebangan hutan dan kehilangan biodiversiti yang membimbangkan sehingga memberi kesan ke atas keseimbangan ekosistem di Malaysia.

44. PN-1523-L10262

Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-

- (a) garis masa untuk melaksanakan Pelan Liberalisasi Visa seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2024; dan
- (b) syarat-syarat yang akan dilonggarkan untuk Program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) dan garis masa pelaksanaan syarat-syarat tersebut.

45. PN-1523-L09868

Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pemahaman, pendirian dan tindakan susulan Kementerian berkenaan mogok oleh kelompok pemandu lori terhadap Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang dikatakan berlaku zalim kepada mereka.

46. PN-1523-L10161

Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah terdapat kajian yang dilakukan oleh Kerajaan tentang jumlah subsidi yang dinikmati oleh warga asing di Malaysia dan berapakah jumlah subsidi tersebut.

47. PN-1523-L10594

Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah pendekatan dan langkah yang diambil oleh Menteri bagi menghapuskan kelemahan sistem kerja serta budaya birokrasi dalam urusan berkaitan Kementerian agar selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI untuk menghasilkan impak yang positif kepada industri pelancongan negara .

48. PN-1523-L10458

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status cadangan Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa 3 dari Kampung Gemuroh, Terengganu ke Pengkalan Kubor, Kelantan sepanjang 151 KM.

49. PN-1523-L10583

Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan rancangan pembangunan perindustrian getah dalam negara seiring dengan pembangunan Kedah Rubber City (KRC).

50. PN-1523-L10516
Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan sejauh mana kempen Cuti-Cuti Malaysia Tahun 2023 dapat melonjakkan ekonomi industri pelancongan tempatan khususnya di Terengganu.
51. PN-1523-L10504
Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan sejauh mana komitmen Kerajaan untuk memperkasakan Jawatankuasa Sekuriti Makanan peringkat negeri dan daerah dalam usaha menangani isu sekuriti makanan yang semakin kritikal pada waktu ini.
52. PN-1523-L10552
Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pertimbangan Kerajaan bagi menaikkan kadar pajakan Pulau Pinang kepada Kedah bersesuaian dengan nilai semasa.
53. PN-1523-L09945
Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan langkah-langkah yang boleh diambil oleh pihak swasta dan NGO dalam membantu memperkukuh industri seni serta menyokong seniman dan pencipta seni.
54. PN-1523-L10046
Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan pihak Kementerian untuk meningkatkan kecekapan sistem pengangkutan awam bas dan rel bagi mengurangkan kesesakan pada waktu puncak.
55. PN-1523-L10525
Dato' Haji Husain bin Awang minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan bagi memastikan tiada penyalahgunaan kad UNHCR yang seolah-olah dilihat kebal daripada sebarang tindakan penguatkuasaan.
56. PN-1523-L10162
Tuan Isaiah A/L D Jacob minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk bekerjasama dengan golongan istimewa (OKU) menerusi Program Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR).

57. PN-1523-L10085
Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian menyokong rancangan untuk membina jaringan landasan kereta api rentas borneo yang meliputi Wilayah Sabah Sarawak, Brunei dan Indonesia (Kalimantan).
58. PN-1523-L10353
Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) justifikasi kewujudan Pusat Intelek Pelajar Orang Asli (PIPOA) di Rompin, Pahang; dan
 - (b) jumlah pengambilan masuk pelajar tahunan dan berapakah kos operasi dan penyenggaraan tahunan pusat itu.
59. PN-1523-L10357
Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperketatkan undang-undang terhadap syarikat telekomunikasi terhadap ketirisan maklumat dan data pengguna melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM).
60. PN-1523-L10230
Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jumlah pengeluaran sayur-sayuran mengikut daerah dan negeri untuk mengekang isu lambakan sayur dan mengelakkan kebergantungan kepada sayur import.
61. PN-1523-L10229
Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan keupayaan kerangka Ekonomi MADANI untuk mengukuhkan kembali prestasi mata wang di peringkat pasaran global dan bilakah jangkaan awal kita boleh menikmati pertumbuhan tersebut terutamanya bersama rakan dagang utama negara.
62. PN-1523-L09842
Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perkembangan semasa untuk menjadikan Air Terjun Pejik (Wong Pejik) Lusong Laku, Daerah Belaga, Sarawak sebagai destinasi pelancongan alam semula jadi di Sarawak oleh Kementerian.

63. PN-1523-L10155

Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan dasar ekonomi yang direncana oleh Kementerian dalam menghadapi masalah-masalah cabaran ekonomi yang tidak menentu antaranya kelembapan ekonomi China, perang yang tidak berkesudahan serta keadaan pasaran yang tidak menentu.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.42/2023) Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah.**

[Menteri Kesihatan]

Bacaan Kali Kedua

2. (D.R.26/2023) Rang Undang-Undang Makanan (Pindaan) 2023

[Menteri Kesihatan]

Bacaan Kali Kedua

3. (D.R.40/2023) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2023

[Menteri di JPM (Undang-undang dan Reformasi Institusi)]

Bacaan Kali Kedua

4. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri akan mencadangkan :-**

“BAHAWA mengikut Peraturan Mesyuarat 78(5), maka Penyata Jawatankuasa Pemilih yang dibentangkan di atas meja Mesyuarat di dalam Dewan ini sebagai kertas DN. 7 Tahun 2023 hendaklah diterima dan dipersetujukan”

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

5. **Usul dibuat oleh Menteri Ekonomi dan masalah dicadangkan :-**

“BAHAWA Dewan ini,

memahami akan perlunya satu dasar untuk mereformasi pasaran kerja melalui Kertas Putih Cadangan Dasar Gaji Progresif agar golongan pekerja mendapat gaji yang lebih tinggi seiring dengan peningkatan produktiviti.

mendukung aspirasi Kerajaan untuk menstruktur ekonomi ke arah Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi dengan memperkenalkan dasar gaji yang dijangka berupaya mengurangkan ketidaksamarataan pendapatan, meningkatkan produktiviti pekerja dan daya saing syarikat.

menyokong usaha pelaksanaan Dasar Gaji Progresif yang akan dimulakan dengan projek rintis bagi menentukan keberkesanan dan ketersediaan sebelum pelaksanaan Dasar Gaji Progresif dibuat secara menyeluruh.

menyeru semua pihak berkepentingan untuk bersama-sama memikul tanggungjawab dalam menjayakan usaha ini sejajar dengan pendekatan kolektif dengan semua pihak termasuk Kerajaan, majikan dan pekerja.

BAHAWA Dewan ini meluluskan Kertas Putih Cadangan Dasar Gaji Progresif supaya menjadi hala tuju reformasi pasaran kerja negara seperti yang dinyatakan dalam Kertas Perintah CMD.69 Tahun 2023 iaitu Kertas Putih Cadangan Dasar Gaji Progresif."

[Menteri Ekonomi]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN</u> <u>2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
DN 8/ 2023	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Sosiobudaya, Komunikasi dan Pendidikan (JKPK SKOP): Struktur dan Pengurusan Sektor Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Malaysia	14 Disember 2023